

24 AUG 2001

Jalan-Tutup

PENUTUPAN JALAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Jalan-jalan utama menuju Jalan Raja Laut dari Bulatan Hishamuddin hingga Jalan Semarang, Jalan Isfahan dan Jalan Dang Wangi akan ditutup pada 25, 27 dan 28 Ogos untuk sesi latihan raptai sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos.

Ketua Trafik Kuala Lumpur Ishak Abdul Manan hari ini berkata penutupan jalan itu bermula 6 pagi hingga selesai raptai.

Untuk mengelakkan kesesakan, beliau menasihati orang ramai supaya menggunakan perkhidmatan awam kerana ketiga-tiga hari latihan raptai jatuh pada hari kerja.

Beliau berkata jalan yang ditutup ialah Jalan Lembah Perdana, jalan dari arah Bulatan Dato' Onn ke Jalan Raja Laut dan Jalan Tun Perak, dari Bulatan Hishamuddin menghala Dataran Merdeka, dari Dataran Merdeka ke Bulatan Hishamuddin, Jalan Lebuhraya, Jalan Isfahan dan Jalan Dang Wangi ke Jalan Raja Laut dan Jalan Sultan Ismail.

Jalan lencongan yang akan ditutup pula dari arah Puduraya ke Lebuhraya Ampang dan dari Jalan Tuanku Abdul Rahman ke Jalan Sultan Ismail/Jalan Dang Wangi.

Jalan lencongan lain akan ditutup secara beransur-ansur jika perlu dari susur Jalan Kuching dan Jalan Kinabalu ke Bulatan Dato' Onn, dari arah Bangsar ke susur Jalan Mahameru, berhampiran Balai Polis Jalan Travers, dan susur Bulatan Merdeka ke Jalan Syed Putra/Jalan Mahameru.

Ishak berkata seramai 55 anggota akan ditugaskan bagi memastikan pergerakan lalulintas tidak terganggu.

Bagi orang ramai yang ingin menyertai sambutan Ambang Merdeka di Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos, Jalan Raja Laut akan ditutup untuk laluan kenderaan dari 7 petang sehingga tamat upacara.

Tetamu kehormat untuk acara itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk sambutan Hari Kebangsaan dan "street party" di Jalan Bukit Bintang, Ishak berkata Jalan Raja Chulan, Jalan Bukit Bintang hingga persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail akan ditutup dari pukul 6 petang pada 30 Ogos hingga 4 pagi pada 31 Ogos.

-- BERNAMA

CS AHH NMO